

SISTEM PENGGAWA
DAN
KEBERKESANANNYA TERHADAP PELAJAR-PELAJAR
DI
ITM SHAH ALAM

OLEH

FAEZAH BT JAMIL	(86338853)
NOREHA BT OTHMAN	(86378019)
SITI HAWA BT NANYAN	(86503102)
ZURIDA BT HASMAWI	(86416699)

PENYELIA KERTAS PROJEK
ENCIK HASHIM

KAJIAN PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG
INSTITUT TEKNOLOGI MARA
SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN

MEI 1989

ISI KANDUNGAN

Perkara	Halaman
Sekapur Sirih	i
Penghargaan	ii
Bab I	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Ringkasan masalah dan tujuan penyelidikan dijalankan	2
1.3 Matlamat penyelidikan	2
1.4 Hipotesis	3
1.5 Skop penyelidikan	3
1.6 Methodologi penyelidikan	4
1.7 Masalah-masalah	4
1.8 Belanjawan	4
1.9 Jadual Kerja	5
Bab 2	
2.1 Pengenalan Sistem Penggawa	6
2.2 Definisi Sistem Penggawa	7
2.3 Perlaksanaannya	8
2.4 Peringkat Awal Sistem Penggawa	9

SEKAPUR SIRIH

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Segala puji-pujian bagi Allah s.w.t. Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w.

Alhamdulillah dengan limpah kurnia dan hidayahnya, kami pelajar-pelajar Diploma Pentadbiran Awam bahagian 06 telah dapat menyiapkan kertas projek kami yang bertajuk "Sistem Penggawa dan Kebersenannya terhadap Pelajar-pelajar di ITM Shah Alam.

Untuk makluman, setiap pelajar Diploma Pentadbiran Awam yang berada di tahun akhir perlu menyediakan kertas projek sebagai salah satu syarat untuk memperolehi Diploma. Untuk menjayakan projek ini, berbagai penyelidikan telah dibuat termasuklah menemuramah para penggawa di kolej-kolej ITM Shah Alam, mengedarkan borang soal-selidik kepada pelajar-pelajar dan maklumat dari perpustakaan untuk menguatkan lagi hasil penyelidikan kami.

Harapan kami agar kertas projek ini dapat memberikan gambaran yang jelas tentang pelaksanaan Sistem Penggawa di ITM khususnya di Shah Alam.

Sekian, Wassalam.

PENGHARGAAN

Kami ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan terimakasih kepada semua pihak yang terlibat di dalam menjayakan projek ini terutamanya kepada penyelia kami, Encik Hashim yang telah memberi panduan dan tunjukajar kepada kami. Tidak lupa juga ucapan ini ditujukan kepada penggawa-penggawa yang telah sanggup meluangkan masa mereka dalam memberi maklumat tentang Sistem Penggawa ini.

Akhir sekali, terima kasih kepada pelajar-pelajar yang telah memberi kerjasama dengan menjawab borang soal selidik yang telah diedarkan.

BAB 1

1. TAJUK

Sistem Penggawa dan keberkesanannya Terhadap Pelajar-pelajar di ITM Shah Alam.

1.1 PENGENALAN

Institut Teknologi Mara akan terus mempertingkatkan usaha ke arah pembentukan sahsiah dan peribadi setiap pelajar Institut. Bagi mencapai hasrat ini, beberapa langkah terbaru dilaksanakan termasuk pengujudan sistem Penggawa di kolej-kolej menggantikan sistem Pengurus yang ada sebelumnya.

Melalui sistem ini, pentadbiran asrama yang diketuai oleh kakitangan akademik akan dipertingkat dan diperkemas bukan semata-mata daripada aspek disiplin malah merangkumi pembentukan sahsiah dan peribadi setiap pelajar. Pelajar-pelajar juga akan berpeluang mendapatkan khidmat nasihat daripada Penggawa masing-masing dalam pelbagai bidang terutamanya bidang akademik.